

um (Hello Kampus) 16/01/13 m/s: 26

## UMP bantu penuntut terlibat banjir

KUANTAN 15 Jan. - Lima penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terlibat dalam kejadian banjir besar di beberapa kawasan di sini menerima sumbangan wang tunai RM1,000 hingga RM1,500 daripada pihak universiti berkenaan baru-baru ini.

Sumbangan itu diserahkan kepada penuntut terbabit iaitu pasangan adik-beradik, Amira Hanis Raimi dan Athirah Zuriani Raimi, Nor Hasmira Abd. Hamid, Nur Farhana Md. Razaki dan Yan Jia Wei yang disampaikan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim di Pejabat Canselor di sini.

Menurut Daing Nasir, sumbangan tersebut dapat meringankan bebanan dan kerugian ditanggung keluarga mereka akibat bencana itu yang berlaku di sekitar daerah ini, Terengganu dan Kelantan.

"Sumbangan yang dihulurkan kepada mereka adalah peruntukan daripada Tabung Kebajikan Pelajar di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) UMP.

"Walaupun jumlah wang diberikan tidak begitu banyak namun diharapkan dapat membantu mengurangkan bebanan dan kerugian ditanggung oleh penuntut dan keluarga mereka akibat musibah itu," katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

Majlis itu turut dihadiri Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Yusserie Zainuddin.

Tambahnya, universiti itu turut melahirkan rasa simpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga Nor Hasmira Abd. Hamid, iaitu pe-



DR. DAING Nasir Ibrahim ketika menyampaikan sumbangan di Pejabat Canselor UMP, Kuantan baru-baru ini.

Walaupun jumlah wang diberikan tidak begitu banyak namun diharapkan dapat membantu mengurangkan bebanan dan kerugian ditanggung oleh penuntut dan keluarga mereka akibat musibah itu

**DAING NASIR**  
Naib Canselor UMP

nuntut Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia di atas kehilangan adiknya berusia 15 tahun akibat tergelincir ketika memindahkan barang sewaktu banjir di kampungnya.

Sementara itu, penuntut Sarjana Muda Pengurusan Projek, Amira Hanis berkata, dia dan adiknya amat menghargai sumbangan dan

keperihatinan pihak UMP membantu penuntut yang ditimpa musibah.

"Sumbangan tersebut akan diserahkan kepada kedua ibu bapa saya untuk membeli keperluan rumah yang musnah termasuk buku persekolahan adik-adik yang perlu diganti," jelasnya.